

SEJARAH

Program-program Latihan Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi MARA bermula pada tahun 1968 di bawah Jabatan Kejuruteraan. Diploma Kejuruteraan Mekanikal diperkenalkan pada tahun 1972 di bawah Jabatan Kejuruteraan. Pada tahun 1996, Jabatan Kejuruteraan telah di struktur semula dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal diwujudkan.

Dengan fasiliti makmal yang terbaik, fakulti telah memainkan peranan dalam memberikan latihan kejuruteraan yang berkualiti kepada pelajar Bumiputra. Fakulti juga telah memperkenalkan program-program baru dan menyediakan kemahiran praktikal menurut keperluan semasa bagi pembangunan negara. Sejak bermulanya program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, ia telah menerima akreditasi daripada pihak Majlis Akreditasi Kejuruteraan, Malaysia (Engineering Accreditation Council, Malaysia). Program-program akademik fakulti juga telah dianugerahkan sijil ISO 9001:2008.

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal turut menawarkan program Diploma selain daripada sarjana muda. Selari dengan penerimaan status universiti kepada ITM pada tahun 1999, fakulti telah diarahkan untuk menawarkan program-program berunsurkan penyelidikan dan telah wujudnya program Sarjana serta Kedoktoran pada tahun yang sama.

Kini, fakulti menawarkan sebanyak 6 program dalam tiga peringkat iaitu Diploma (EM110), dua program sarjana muda (EM220, EM221) [terkini bermula tahun 2014 telah ditukarkan kod kepada EM241] dan tiga program pascasiswazah (EM780, EM774, EM990) [kod kursus telah berubah kepada EM750, EM704 dan EM950 bermula pada tahun 2014]. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal turut ditempatkan di beberapa kampus cawangan lain selain daripada kampus induk di Shah Alam iaitu UiTM Kampus Bukit Besi, Terengganu dan di UiTM Kampus Pasir Gudang, Johor yang hanya menawarkan program Diploma, manakala kampus UiTM Pulau Pinang menawarkan program Diploma berserta dengan program sarjana muda pembuatan.

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal menawarkan program-program seperti berikut:

1. Diploma Kejuruteraan Mekanikal [EM110]
2. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal [EM220]
3. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) [EM221/EM241]
4. Sarjana Sains Kejuruteraan Mekanikal [EM780 / EM750]
5. Sarjana Pengurusan Kejuruteraan [EM774/ EM704]
6. Ijazah Falsafah Kedoktoran Kejuruteraan Mekanikal [EM990/ EM950]

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
UiTM Shah Alam